



Refleksi

Secara keseluruhan, Timbalan Pengurus dalam syarikat teater memainkan peranan penting dalam memastikan segala aspek pengurusan dan operasi berjalan lancar, menyokong Pengurus Utama, serta membantu mencapai visi dan matlamat organisasi Syarikat. Dalam subjek GKD2134 ini juga, saya dapat menambah ilmu tentang bisnes dari segi keuntungan, mencari bahan untuk jualan dengan harga yang berpatutan dan mempunyai kualiti yang baik. Selain itu saya juga dapat menerapkan nilai bekerjasama bersama ahli kumpulan. Sepanjang projek ini dijalankan, semua ahli kumpulan memberi kerjasama yang baik. Menambah kemahiran berkomunikasi dengan ahli kumpulan yang lain. Dengan adanya subjek ini, dapat membantu kami menambah pendapatan untuk belanja, selain itu menambah kenangan bersama rakan-rakan yang lain. Banyak kebaikan yang saya dapat dengan adanya subjek pengurusan teater ini.

